

# Suami isteri kematian anak saman hospital

IPOH - Seorang kakitangan Tenaga Nasional Berhad, (TNB) dan isterinya memfailkan saman terhadap seorang doktor pakar perbidanan dan sebuah hospital swasta di sini semalam.

Mohd. Helmi Mohd. Isa dan isterinya, Norehan Abdul Hassan yang menetap di Kuala Kangsar dekat sini mendakwa doktor pakar perbidanan dan hospital swasta itu melakukan kecuaiannya sehingga menyebabkan kematian anak lelaki sulung mereka semasa dilahirkan pada 13 April tahun lalu.

Mereka yang kedua-duanya berusia 30 tahun diwakili peguam Mohd. Khairul Azam Abdul Aziz dari Tetuan Azam Aziz & Co memfailkan saman tersebut di Mahkamah Tinggi Ipoh di sini.

Mohd. Khairul ketika ditemui berkata, plaintif memfailkan saman itu setelah tidak berpuas

hati dengan tindakan defendan pertama dan kedua yang didakwa menyuntik cecair *Syntometrine* ke tubuh bayi berkenaan.

Jelas beliau, *Syntometrine* merupakan suntikan yang seharusnya diberikan kepada ibu selepas proses bersalin bagi tujuan merangsang rahim mengecut dengan lebih kuat, bukannya untuk bayi yang baru dilahirkan.

"Pada asalnya, kelahiran bayi itu adalah secara normal namun disebabkan sebab-sebab semula jadi, plaintif kedua dimasukkan dalam wad pembedahan.

"Bayi seberat 2.6 kilogram itu dilahirkan dalam keadaan sihat dan sempurna dari segi fizikal dan kelahiran itu disambut oleh defendan pertama pada pukul 5.19 petang.

"Plaintif pertama (Mohd. Helmi) kira-kira pukul 11.45 malam dimaklumkan oleh seorang doktor bahawa bayi tersebut telah

diberikan satu suntikan oleh kakitangan defendan kedua dan kesan daripada suntikan tersebut, bayi berkenaan telah berada dalam keadaan kritikal," katanya lagi.

Katanya, plaintif pertama dan isterinya kemudiannya tidak membenarkan melihat keadaan bayi berkenaan walaupun dikatakan dalam keadaan kritikal sebelum bayi itu dikejarkan ke wad kecemasan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada pukul 9 pagi keesokan harinya.

"Pada pukul 5.15 petang, plaintif pertama dimaklumkan oleh seorang doktor di HRPB, bayi tersebut disahkan meninggal dunia pukul 5.05 petang.

"Laporan bedah siasatan yang dilakukan di HRPB mendapati punca kematian adalah akibat kegagalan organ dalaman akibat suntikan *Syntometrine*," katanya.



MOHD. HELMI menunjukkan gambar anaknya sambil diperhatikan Norehan di Ipoh semalam.